

# PM mahu Pusat, negeri tingkat kerjasama

BH 11 NOV 2000

Oleh Ahmad Zaini Kamaruzzaman dan Hassan Omar

GURUN, Jumaat – Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta kerajaan negeri mempertingkatkan hubungan dan kerjasama dengan Kerajaan Persekutuan bagi mempercepatkan pembangunan negeri masing-masing.

Perdana Menteri berkata, kedua-dua pihak perlu mewujudkan perkongsian bijak bagi memastikan projek dapat dilaksanakan secara berkesan dan segera bagi membangunkan rakyat dan negara.

Untuk tujuan itu, katanya, kerajaan mewujudkan sistem baru bagi membolehkan kerajaan negeri dan Kerajaan Persekutuan membuat keputusan dengan cepat terutama berkaitan kelulusan projek.

“Pada mesyuarat Menteri Besar dan Ketua Menteri semalam, kita bersejua mengutamakan keperluan menjalin hubungan erat kerajaan negeri dan kerajaan persekutuan,” katanya katanya pada sidang akhbar selepas merasmikan seminar Perkongsian Bijak Pembangunan Negeri Kedah, di Hotel

**Kerajaan mewujudkan sistem baru bagi membolehkan kerajaan negeri dan Kerajaan Persekutuan membuat keputusan dengan cepat terutama berkaitan kelulusan projek bagi membangunkan rakyat dan negara**

Harvard Suasana, di sini hari ini.

Seminar dua hari anjuran bersama Kerajaan Kedah dan Unit Pelaksanaan dan Penyelarasan (ICU) Jabatan Perdana Menteri itu antara lain bertujuan menggerakkan pembangunan Kedah supaya sealiran arus pembangunan negara dengan menyediakan Pelan Tindakan Pembangunan Negeri Kedah 2001-2010.

Hadir sama Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain dan Ketua Pengarah ICU, Datuk Dr Zainul Ariff Hussain.

Terdahulu, dalam ucapannya, Dr Mahathir berkata, kelewatan dan birokrasi di jabatan kerajaan serta sikap pegawai punca

kelewatan projek sehingga menjejaskan pembangunan.

Menurutnya, di Kuala Lumpur pada suatu masa dulu, kelewatan meluluskan projek menyebabkan tidak banyak bangunan dapat dilaksanakan.

“Pada suatu masa hanya bangunan Chartered Bank setinggi 14 tingkat paling tinggi di Kuala Lumpur. Bagaimanapun, selepas dasar diubah, pembangunan pesat berlaku sehingga membolehkan Dewan Bandaraya mengutip banyak cukai pintu bagi melaksanakan pembangunan lain,” katanya.

Selain itu, Dr Mahathir berkata, perkongsian bijak dengan sektor swasta perlu dilaksanakan di peringkat kerajaan negeri bagi membantu memper-

cepatkan pembangunan.

Sambil memberikan Kedah sebagai contoh, Perdana Menteri berkata, negeri itu agak ketinggalan kerana lewat meluluskan projek pembangunan, termasuk yang dicadangkan sektor swasta.

"Proses kelulusan di Kedah agak lambat. Kita lulus tetapi ambil masa. Kalau dipercepatkan saya yakin Kedah akan lebih cepat membangun," katanya.

Ketika berdialog dengan peserta seminar, Perdana Menteri berkata, penyelarasan pemikiran masyarakat Melayu dengan pembangunan tidak perlu kerana yang lebih penting

ialah sikap ingin memajukan diri di kalangan kaum berkenaan.

Katanya, mereka perlu lebih komited dalam mengubah kehidupan bagi mencapai kemajuan dengan mengikuti latihan secara formal atau tidak formal, selain memberikan perhatian terhadap aspek pengurusan kewangan.

Dalam perkembangan lain, Dr Mahathir berkata, MIC akan mempertahankan kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Kedah kawasan Lunas, berikutan kematian wakilnya Dr Joe Fernandez, Sabtu lalu.

Perdana Menteri yang juga Pengerusi BN berkata, bagi tujuan itu beliau akan

berbincang dengan Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu bagi menentukan calon yang bakal dipilih.

"Calon kemungkinan dari MIC kecuali MIC tak mahu dan kita akan bagi pada orang lain," katanya.

Dr Mahathir berkata, BN sudah bersedia menghadapi dan mempertahankan kerusi Lunas.

"Ya kita memang sudah bersedia. Saya kena kira (bincang) dengan dia (Samy Vellu) dululah," katanya.

Sementara itu, menurut sumber, Samy Vellu dijangka melawat keluarga Dr Fernandez di Bukit Mertajam, sebelum mengadakan perbincangan de-

ngan pemimpin MIC Kedah di Kulim, esok.

Beberapa nama disebut sebagai calon BN, termasuk bekas senator dan Ketua MIC bahagian Padang Serai, S Parasuraman, 53, dan Setiausaha MIC Kedah, S Ganesan, 41, seorang peguam.

Nama lain yang disebut-sebut ialah Ketua Pemuda MIC negeri, R Nanthakumar, 31, dan Timbalan Ketua MIC bahagian Kulim, S Muniandy.

Setiausaha Agung MIC, G Sothinathan, pula dilaporkan berkata, MIC yakin BN mampu mengekalkan kerusi DUN Lunas berdasarkan rekod cemerlang Dr Fernandez.